



## INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN

JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
JALAN KUCHAI LAMA  
58200 KUALA LUMPUR

Telefon Pejabat : 03 - 7981 7495/6  
Faks : 03 - 7983 2987  
E-mel : p.ilpkl@mohr.gov.my  
Laman Web : www.ilpkl.gov.my

---

### PENGOPERASIAN LATIHAN INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR SEMASA PKPB

---

Merujuk kepada sidang media oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan dan selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Oktober 2020 telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya berkuatkuasa pada 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020.

Selaras dengan pengumuman tersebut, sepanjang tempoh PKPB ini, **pengoperasian latihan** kemahiran di Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILP Kuala Lumpur) **ditutup bermula 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020.**

Sehubungan itu, semua pelajar ILP Kuala Lumpur dibenarkan pulang ke rumah masing-masing dengan syarat-syarat seperti berikut :-

1. Pelajar dibenarkan pulang bermula **jam 5.30 petang hingga 10.00 malam pada 13 Oktober 2020 (Selasa) sahaja.**
2. Pelajar tidak dibenarkan pulang sendiri.
3. Hanya pelajar yang **dijemput oleh waris atau penjaga sahaja** yang dibenarkan pulang.
4. Pelajar dan waris dikehendaki hadir ke **kaunter pelepasan di Bilik Seminar 1** untuk urusan membawa anak jagaan pulang.
5. Waris dan penjaga tidak dibenarkan masuk ke asrama.
6. Waris dan penjaga yang hadir perlulah mengikuti SOP yang ditetapkan oleh MKN ketika berada di ruang awam.
7. Pelajar dikehendaki daftar semula ke institut pada **28 Oktober 2020**, jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi.

Walaupun bagaimanapun, pelajar-pelajar dibenarkan untuk terus tinggal di asrama. Makan minum pelajar akan disediakan oleh Dewan Makan. Cafe, koperasi dan perkhidmatan ILP Kuala Lumpur tetap beroperasi seperti biasa.

Pembelajaran bagi pelajar-pelajar pengambilan Sesi 2/2020 yang dijalankan secara atas talian tetap berjalan seperti biasa seperti jadual yang telah ditetapkan. Maklumat terkini akan dimaklumkan dari masa ke semasa melalui portal rasmi ILP Kuala Lumpur, [www.ilpkl.gov.my](http://www.ilpkl.gov.my).

-TAMAT-

**ABD HALIM BIN ALI MOHAMMED**

Pengarah

Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur

13 Oktober 2020